

Cadang kerajaan naikkan kadar BR1M

SN 23/9

SHAH ALAM - Kerajaan dicadang menaikkan kadar pemberian Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) dalam peruntukan Bajet 2017.

Ahli Parlimen Kuala Selangor, Datuk Seri Irmohizam Ibrahim berkata, ini bagi membolehkan golongan berpendapatan RM3,000 ke bawah tidak terlalu terbeban dengan kos sara hidup.

"Pemberian BR1M terhadap golongan ini perlu kerana terdapat barangan keperluan yang meningkat kosnya. Pemberian BR1M secara maksimum ini akan dapat meringankan beban kos sara hidup yang di-

tanggung rakyat.

"Berdasarkan pemberian BR1M lalu, perdana menteri telah mengumumkan kenaikan demi kenaikan selaras dengan bebanan yang ditanggung.

Sikap keprihatinan kerajaan membuktikan bahawa kerajaan sentiasa meletakkan kesejahteraan rakyat pada tahap teratas," katanya dalam kenyataan, semalam.

Beliau, yang juga Pengerusi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia



(LKIM) berkata, Bajet 2017 diharap dapat mengekalkan pemberian elaun sara hidup nelayan.

"Kita juga harap kerajaan dapat meningkatkan dana insentif pendaratan ikan di ke semua kompleks dan jeti yang berdaftar dengan LKIM. Ini bagi memastikan hasil laut negara dimanfaatkan oleh rakyat tempatan sepenuhnya dan akan menstabilkan harga hasil sumber laut.

"Cadangan inisiatif ini juga sedikit sebanyak membantu nelayan untuk meningkatkan hasil pendapatan mereka," katanya.